

Rahsia penipuan Internet terbongkar



DI SEDIAKAN OLEH : ZAKI

Rahsia penipuan Internet terbongkar

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. PENGENALAN	3
2. SKIM PENIPUAN INTERNET	
• SKIM PELABURAN HEBAT	4
• SURAT DARI AFRIKA	4
• PELABURAN PERDAGANGAN MATA WANG IRAQ	5
• SKIM PONZI	5
• SKIM PYRAMID	5
• AFFILIATE PALSU	5
• DATA ENTRY WORK	6
• PAID SURVEY	7
• PAID TO SURF & READ EMAIL	8
• BOOK REVIEWER	8
• PAID FOR SHOPPING	9
• PAID TO DRIVE	9
3. PENUTUP	

Rahsia penipuan Internet terbongkar

PENGENALAN

Asalamualaikum dan salam sejahtera,

Buat rakan – rakan sekalian. Tahniah kerana Berjaya memperoleh ebook ni. Ebook ini tidak dipasarkan tapi hanya untuk tatapan rakan – rakan agar tidak terpengaruh dengan skim penipuan di internet yang tersebar meluas.

Untuk pengetahuan rakan –rakan sekalian, sekarang ni terlalu banyak skim penipuan di internet. Mula –mula Mat Salleh tu yang buat, kemudian orang Afrika pulak dan sekarang orang kita Malaysia pun sudah ramai yang membuat skim penipuan ini.

Timbulnya kesedaran saya untuk mendedahkan penipuan skim ini kerana tidak mahu rakan – rakan mengalami kerugian yang besar dalam perniagaan internet. Di awal pembabitan saya dalam perniagaan internet ini dahulu, saya dan rakan – rakan saya pernah tertipu yang mengakibatkan kami kehilangan sebahagian wang dan masa yang banyak. Untuk mengelakkan rakan –rakan lain dari terjebak maka saya rasa terpanggil untuk menulis ebook ini.

Terus terang saya katakana bahawa untuk berjaya dalam perniagaan internet memerlukan masa yang agak lama dan tiada jalan yang singkat. Wujudnya skim penipuan internet ini adalah kerana terdapat individu – individu yang ingin memperoleh kekayaan dengan cepat sedangkan hakikat yang sebenarnya adalah kekayaan yang sebenar hanya boleh dicapai dengan tempoh yg agak lama. Oleh itu ketekunan dan kesabaran adalah amat penting .

Sekian, terima kasih

Ikhlas dari,



MOHD ZAKI ABU BAKAR

<http://www.wangblog.com>

SKIM PENIPUAN INTERNET

1. SKIM PELABURAN HEBAT



Skim - skim ini menawarkan pulangan yang hebat kepada para pelabur 100% hingga 600 % peratus dalam masa 2 hari hingga 1 tahun. Syarikat- syarikat ini memberi jaminan bahawa wang anda akan selamat dan pulangan pelaburan adalah dijamin 100%. Wang pelaburan akan dilaburkan dilakukan di luar Negara. Mereka juga kononnya ia memberi jaminan bahawa ia diiktiraf oleh banyak Negara termasuk Malaysia dan ada setengah darinya telah pun melantik agen di seluruh Negara.

Anda perlu mengelakkan skim seperti ini kerana banyak mangsa telah tertipu. Adakah logik keuntungan 300% dalam masa beberapa hari sedang skim ASB yang dipercayai pun memberi pulangan 7% sahaja setahun.

2. SURAT DARI AFRIKA

Pernahkah anda mendapat email dari saudagar di Afrika? Berhati – hatilah apabila anda menerima email dari Afrika. Email tersebut kononnya menyatakan bahawa terdapat sejumlah wang yang banyak di Afrika yang tidak boleh dikeluarkan di sana. Wang tersebut hanya boleh dikeluarkan melalui akaun bank asing di negara lain. Di sebabkan saudagar tersebut tidak mempunyai akaun bank di luar negeri dan tiada orang yang dipercayai, saudagar tersebut mencari anda untuk membantunya mengeluarkan wang tersebut. Anda diminta memberikan butiran diri, no bank dan sebagainya dan sebahagian wang untuk tujuan pemprosesan tetapi akhirnya anda akan ditipu dan kehilangan sejumlah wang yang besar akibat penipuan tersebut.

3. PELABURAN PERDAGANGAN MATA WANG IRAQ

Negara Iraq menghadapi kemelut peperangan dan situasi yang tidak stabil. Namun masih ada pihak yang mengambil kesempatan dengan mewujudkan satu skim pelaburan mata wang Iraq. Mereka ini menyatakan bahawa wang Iraq berada dalam keadaan rendah dan stabil. Tidak lama lagi situasi di Iraq akan menjadi aman dan stabil, oleh itu nilai mata wang Iraq akan meningkat dengan mendadak sehingga menjadikan nilainya tinggi.

Berpandukan analisa tersebut, syarikat tersebut mempelawa orang ramai supaya membeli wang Iraq dengan harga yang murah dari mereka dan kemudian menjualnya kembali di pasaran apabila harganya meningkat.

Walaupun kadang kala apa yang mereka nyatakan itu ada logiknya, ramai yang tidak tahu bahawa wang iraq sebenarnya tidak boleh ditukar di pengurup wang apatah lagi untuk diniagakan.

4. SKIM PONZI

Ia adalah suatu skim pelaburan yang melibatkan pulangan dividen yang dikaut dari wang pelabur baru dan bukannya dari hasil keuntungan perniagaan. Skim ini menawarkan keuntungan jangka masa yang pendek yang tinggi utu menarik pelabur – pelabur baru, di mana wang mereka itu sebenarnya digunakan untuk membayar dividen peabur lama. Biasanya skim ini akan berterusan sehinggalah sampai suatu ketika penganjur akan menghilangkan diri bersama wang pelaburan ahli.

5. SKIM PYRAMID

Untuk menyertai skim ini anda dikehendaki membayar sejumlah wang sebagai pendaftaran dan peaburan. dan kemudiannya email anda akan diletakkan dalam suatu senarai. Setiap kali ahli baru masuk mendaftar anda akan dibayarkan secara rawak. Semakin banyak wang yang anda masuk semakin besar peluang anda untuk dibayar ketika ahli baru masuk.

Skim ini lebih kurang sama macam skim buat duit dengan kad ATM yang meluas di Negara kita di mana ahli baru akan mendeposit wang ke dalam akaun ahli lama.

6. AFFILIATE PALSU

Affiliate ini sebenarnya adalah suatu system yang sah dan betul dalam perniagaan internet. System affiliate ini memberi keuntungan sebenar kepada pemilik barang dan penjual.

Bagaimana system affiliate berfungsi?

Apabila seoang penjual Berjaya menarik pembeli, maka pemilik barang tersebut akan memberikan komisen kepada penjualnya berdasarkan harga jualan. Pemilik beroleh keuntungan dan penjual beroleh komisen. Win-win situation.

Rahsia penipuan Internet terbongkar

Sayangnya terdapat segolongan manusia menyalah gunakan system ini. Bermula dengan tujuan asal kononnya menjual product, system tersebut bertukar menjadi menjual keahlian dengan janji kosong.

7. DATA ENTRY WORK



Sebenarnya Kerja memasukkan data (DATA ENTRY WORK) ini sememangnya wujud, bukan saja di Malaysia malah di Negara lain. Kerja ini mudah iaitu anda hanya perlu menaipkan data yang dikehendaki dan hantarkan kepada pihak yang terbabit. Dan kemudian anda akan dibayar mengikut tugas yang disediakan.

Yang menjadi masalahnya adalah kerja data entry ini terhad dan sukar untuk diperolehi. Oleh itu timbullah idea dari pihak – pihak yang tidak bertanggungjawab yang mewujudkan system data work entry di internet.

Kononnya melalui system ini and aboleh menjadi kaya , mempunyai pendapatan hingga \$700 sehari, anda boleh berada di mana – mana bahagian di seluruh dunia, yang penting mempunyai computer dan sambungan internet. Hanya 2 jam sahaja diperlukan untuk kerja tersebut setiap hari. Tetapi sebelum anda menyertai sistem ini anda perlulah membayar sejumlah wang sebagai yuran pemprosesan. Kerana menurut mereka wang itu adalah untuk latihan dan list syarikat yang memerlukan khidmat anda.

Kemudian apabila anda membayar yuran tersebut, anda akan rasa tertipu kerana apa yang diberikan tidak seindah dengan apa yang diwar-warkan sebelum ini. Malah mereka mengajak dan mengajar anda untuk menipu orang lain dengan cara yang sama juga.

8. PAID SURVEY



**Instant \$20
Survey!
JOIN TODAY!**

Paid survey merupakan satu program di mana anda yang menyertai system tersebut akan dibayar sebanyak \$20 hingga \$60 setiap kali mengikut program survey sesuatu tajuk yang dijalankan. Survey yang dijalankan pula adalah terlalu mudah untuk diikuti dan memberikan pulangan yang sungguh lumayan.

Sebelum menyertai skim ini anda perlu membayar sejumlah wang untuk yuran pendaftaran. Yuran ini diperlukan kerana kononnya mereka (penganjur) telah mendapatkan list syarikat yg menawarkan bayaran survey yang tertinggi dan dipercayai.

Sayang seribu saying, apabila selesai membuat bayaran, setelah bertungkus - lumus selama beberapa jam, hari dan minggu untuk menjawab solan survey, anda dapati ganjaran yang diwar-warkan adalah tidak seindah yang dijanjikan. Sekali lagi anda ditipu

Sebenarnya syarikat yang menawarkan program survey di internet adalah syarikat yang dibayar oleh mengeluarkan barangan. Untuk mendapatkan kajian mengenai barangan sebelum dipasarkan adalah penting amat susah memperolehinya dari org ramai. “ Mana ada orang suka-suka jawab servey... tapi kalau dibayar mesti ramai yang mahu”. Oleh itu mereka telah mengupah survey company yang pandai memanipulasi dan menipu orang ramai bagi mendapatkan data bagi product yang hendak dipasarkan.

9. PAID TO SURF & READ EMAIL



▷ 10% FOR 14 DAYS
6% referral commission

Pada amnya, program ini menyatakan mereka menerima bayaran dari pengiklan yang berminat untuk mengiklankan product mereka. Menurut mereka lagi anda akan dibayar apabila melihat iklan – iklan tersebut. Cuma iklan tersebut terhadap biasanya anda akan dibenarkan melihat tidak lebih 10 iklan sehari. Model ini Nampak macam logic.

Apabila anda membayar yuran dan melabur menjadi ahli VIP, bilangan iklan yang boleh dilihat adalah lebih banyak seterusnya memberikan anda peluang untuk menerima bayaran yang lebih tinggi. “Nampak masih logic lagi”.

Tapi saya tetap cadangkan jauhi skim ini kerana sudah banyak syarikat penganjur yang telah lesap setelah memperolehi keuntungan.



Program paid to read pun sama macam yang tadi. Anda baca email yang dihantar dan kemudian anda akan dibayar dengan nilai yang sedikit dan tak berbaloi dengan masa yang dihabiskan.

Hakikatnya Setiap kali anda melihat iklan anda akan dibayar \$0.00001. Agaknya dengan 30 hari berapa banyak WANG yang anda dapat? Berbaloi ke?

1hari 30 iklan X 30 hari X \$0.00001 = \$0.009

Sungguh tidak berbaloi.

10. BOOK REVIEWER

Program ini disasarkan pada peminat buku. Kononnya menurut penganjur skim ini, Sebelum suatu buku dipasarkan syarikat penerbitan ingin mendapatkan pandangan orang ramai tentang buku tersebut. Sekiranya anda memberikan pendapat mengenai buku yang dibaca , anda akan dibayar dengan sejumlah wang yang lumayan oleh syarikat buku terbabit.

Untuk menjadi pengulas buku tersebut anda perlulah membayar yuran kepada penganjur untuk mendapatkan senarai syarikat penerbitan yang terlibat. Sayangnya apabila anda membayar yuran terbabit, anda dapati list tersebut langsung tidak berguna.

11. PAID FOR SHOPPING



Program ini menawarkan ganjaran wang kepada anda yang gemar bershopping. “Nampak macam ganjaran kad kredit pulak”. Apa yang anda perlu buat adalah membayar yuran pendaftaran untuk menjadi ahli kepada skim ini. Kemudian anda diberikan senarai lokasi atau pun website terpilih untuk membeli belah dan anda akan dibayar dengan lumayan.

Sekali lagi selepas membayar yuran keahlian, anda dapati bahan yang diberikan tidak dapat mencapai impian anda

12. PAID TO DRIVE



Drive away...

Program ini akan melakukan penipuan yang sama seperti skim yang lain. Selepas anda membayar untuk menjadi ahli, anda akan diberikan bahan untuk memulakan kerjaya baru tetapi apa yang diberikan kepada anda adalah langsung tidak berguna.

PENUTUP.

Selain dari skim penipuan yang ditunjukkan tadi, masih banyak lagi skim –skim baru yang menggunakan cara yang berbeza tetapi matlamat yang sama. Iaitu menipu dan mengaut wang anda. Saya tidak akan mengupas dari halal dan haramnya skim ini kerana anda sendiri telah tahu jawapannya.

Saya harap dengan penjelasan yang serba ringkas ini, tiada lagi rakan – rakan yang terjebak dengan skim penipuan ini. Tiada jalan singkat untuk berjaya dalam perniagaan internet. Check yang pertama saya dari internet pun diperolehi dalam masa 4 bulan... dari hari pertama saya terlibat dengan perniagaan ini.

Sekiranya anda tidak tau program apa yang boleh membantu anda menjana keuntungan secara sah dan betul. Anda bolehlah ke website di <http://www.wangblog.com>.

Di website tersebut saya akan menunjukkan salah satu cara yang saya gunakan untuk memperolehi wang di internet. Selamat berjaya

“Usaha, Doa dan Tawakal tangga kejayaan”

Dari laptop

zaki